

02/02/1998

Karyawan disaran guna tenaga sendiri

Hardi Effendi Yaacob

KARYAWAN filem dan drama disaran memanipulasi sepenuhnya tenaga, kepakaran dan kemudahan produksi tempatan ketika negara mengalami kegawatan ekonomi kini.

"Sebarang usaha mengimport pekerja luar sekadar menambah implikasi terhadap pertumbuhan industri itu selain membazirkan masa dan wang," kata sutradara berpengalaman, Adman Salleh.

Beliau berkata, saranan itu secara tidak langsung bertepatan dengan gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar rakyat menggunakan barangan buatan sendiri.

"Saranan ini penting kerana kini banyak produksi tempatan ghairah membawa pekerja filem mahupun drama asing khususnya dari Hong Kong," katanya, baru-baru ini.

Menurut beliau, sikap itu jika dibiarkan akan mengundang pelbagai implikasi negatif seperti subversif budaya dan tataperadaban masyarakat setempat.

Katanya, bukan semua pekerja filem dan drama asing peka, memahami dan menjalankan kajian menyeluruh terhadap kedua-dua elemen itu.

"Ia akan menyebabkan mereka terlalu cenderung menonjolkan budaya dan tataperadaban masing-masing setiap kali berkarya sekalipun tidak sesuai di sini."

"Perlu diingatkan unsur budaya dan peradaban sesuatu masyarakat bukan perkara `main-main' dan ia sememangnya sensitif."

"Pada persepsi saya, lebih baik jika kita menggunakan tenaga dan kepakaran sendiri."

"Kita lebih memahami dan biasa terhadap perkara di sekeliling," katanya.

Adman turut meminta kerajaan peka dan `buka mata' terhadap perkara ini.

"Saya berasakan sudah tiba waktunya kerajaan mengambil berat dan tidak lagi memandang enteng industri perfileman mahupun drama kita yang sekian lama terpinggir," katanya.

(END)